

Petempatan Masyarakat Zaman Logam di Selangor Berdasarkan Data Arkeologi

ZULISKANDAR RAMLI & NIK HASSAN SHUHAIMI NIK ABD. RAHMAN

ABSTRAK

Petempatan-petempatan awal di Zaman Logam sekitar 2500 tahun dahulu di negeri Selangor telah dibuktikan dengan jumpaan-jumpaan artifak logam yang ditemui secara tidak sengaja ataupun secara ekskavasi arkeologi. Petempatan-petempatan ini kebanyakannya terletak berhampiran dengan sungai dan berkembang daripada sistem masyarakat Neolitik. Antara sungai-sungai penting yang digunakan sebagai kawasan petempatan masyarakat zaman logam ini adalah seperti Sungai Bernam, Sungai Langat, Sungai Sedu, Sungai Kelang dan Sungai Semenyih. Peranan sungai-sungai ini selain daripada tempat masyarakat tempatan mencari sumber makanan juga digunakan sebagai jalan perhubungan utama antara masyarakat di tanah pamah dengan masyarakat di pedalaman. Kekayaan lembah-lembah sungai di Selangor dengan sumber logam timah membolehkan masyarakat tempatan menjalinkan hubungan perdagangan dengan masyarakat luar terutamanya dengan masyarakat di utara Semenanjung dan juga pedagang dari Vietnam. Ini adalah kerana logam timah diperlukan untuk menghasilkan barangan gangsa. Untuk mendapatkan logam timah ini, sistem pertukaran barangan telah dijalankan di mana timah telah ditukarkan dengan barangan daripada gangsa seperti gendang dan loceng yang diperbuat daripada gangsa. Gendang dan loceng gangsa ini dianggap sebagai simbol status kepada ketua masyarakat tempatan yang menyimpannya. Antara tapak-tapak di mana artifak gangsa ditemui adalah di Kampung Sungai Lang, Jenderam Hilir, Sidu dan Lembah Sungai Klang. Tapak-tapak ini menjadi bukti bahawa perkembangan masyarakat setempat, daripada sistem sosio-budaya zaman Neolitik kepada perkembangan zaman logam adalah kerana faktor adanya jalinan perdagangan dengan masyarakat luar.

Kata kunci: Zaman Logam, perdagangan, gendang, loceng, gangsa, Selangor

ABSTRACT

The existence of early settlements in Selangor during the Metal Age about 2500 years ago in Selangor has been proven by the discovery of metal artifacts which have been found accidentally or through archaeological excavations. These settlements are mostly located near rivers and expanded from the Neolithic culture. Among the important rivers used as settlement sites of the metal age

society are Bernam River, Langat River, Sedu River, Klang and Semenyih. These rivers acted as the main communication route between the lowland people and inland community and also a place where people finds food. The river valleys in Selangor are rich in natural resources such as tin and this factor enabled local communities to establish relationships with people outside the community, especially in the northern peninsula as well as traders from Vietnam. This is necessary because tin is needed to produce bronze products. Barter trade was carried out where tin was traded for luxurious items made from bronze such as bronze drums and bronze bells, beads and pottery. Bronze drums and bronze bells were regarded as status symbols for the local community leaders. Kampung Sungai Lang, Jenderam Hilir, Sidu and Klang River Valley are sites where several bronze artifacts were found. These sites became evident of the development of local community, from community that practice Neolithic socio-culture to more advanced community that used metal in their culture and belief system. The main factor for this development is contact with international traders.

Key words: Metal Age, trade, drum, bell, bronze, Selangor

PENGENALAN

Petempatan-petempatan awal zaman logam di sekitar Selangor telah dibuktikan dengan data-data arkeologi yang merujuk kepada jumpaan-jumpaan artifak kebanyakannya daripada gangsa dan besi. Artifak-artifak ini ditemui sama ada secara tidak sengaja ataupun hasil daripada ekskavasi arkeologi. Antara artifak yang ditemui dan dikaitkan dengan masyarakat Zaman Logam adalah seperti gendang gangsa, loceng gangsa, mangkuk gangsa dan besi bersoket. Artifak gangsa yang ditemui lebih kepada barang dagangan kerana jumpaan artifak gangsa ini tidak banyak manakala artifak besi bersoket dipercayai adalah buatan tempatan. Kebanyakan petempatan masyarakat zaman logam di Selangor adalah berdekatan dengan sungai dan ini menunjukkan betapa pentingnya peranan sungai kepada masyarakat ketika itu yang menjadi asas perkembangan budaya manusia. Penggunaan secara aktif sungai ini adalah disebabkan terciptanya perahu yang mana di Semenanjung Malaysia sendiri perkembangan penggunaan perahu dikenali selewat-lewatnya sekitar 5000 tahun dahulu dan ini menyebabkan laluan sungai digunakan secara aktif dan turut memperkuat laluan sungai dalam perkembangan masyarakat pada Zaman Neolitik (Chandra Muzaffar et al. 2001; Nik Hassan Shuhaimi 2002).

Di Selangor, perkembangan masyarakat awal yang mempunyai kaitan dengan sungai dapat dilihat berdasarkan bukti-bukti arkeologi yang wujud di sepanjang aliran sungai seperti di Sungai Bernam melalui data kebudayaan kubur kepingan batu yang dijumpai di selatan Selangor


seperti di Changkat Menteri (Evans 1931; Leong Sau Heng 1993a), Sungai Klang dengan jumpaan tapak logam besi dan gangsa (Loewenstein 1956; Sieveking 1956), Sungai Langat, Sungai Sidu dan Sungai Semenyih dengan jumpaan artifak logam gangsa di tapak Sidu, Kampung Sungai Lang dan Jenderam Hilir (Loewenstein 1956; Peacock 1964, 1965; Leong Sau Heng 1989; Nik Hassan Shuhaimi 1990) dan Sungai Gombak dengan jumpaan tapak Neolitik di Batu Caves (Noone 1941; Adi Hj. Taha 2003; Mohd Sopian Sabtu 2007).

Kewujudan negeri-negeri kecil pada awal abad Masihi di Asia Tenggara telah membawa kepada wujudnya perdagangan di antara mereka. Hubungan perdagangan pada ketika itu lebih kepada hubungan dagangan antara masyarakat tanah pamah dengan tanah tinggi atau antara penduduk pesisir pantai dengan masyarakat pedalaman (Hall 1985). Kawasan ini kemudiannya berkembang menjadi pusat perdagangan atau pelabuhan entreport ataupun *feeder port* apabila sistem komunikasi di kawasan itu maju. Pusat perdagangan awal banyak tertumpu di hilir sungai utama di sekitar Asia Tenggara. Pusat perdagangan ini kemudiannya bertambah maju apabila pedagang-pedagang dari India, Timur Tengah dan China tiba di Nusantara kerana kawasan ini dijadikan transit bagi pedagang-pedagang ketika itu untuk meneruskan perjalanan sama ada ke China ataupun ke India.

Jumpaan artifak-artifak logam di kawasan sungai yang berdekatan dengan pantai, aliran pertengahan dan di pedalaman menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara masyarakat di pesisir pantai, masyarakat di tanah pamah dan di kawasan pedalaman telah wujud sejak Zaman Neolitik lagi. Hubungan perdagangan ini kemudiannya dimanfaatkan oleh pedagang daripada luar dan hubungan dengan masyarakat luar inilah yang membolehkan perkembangan masyarakat tempatan daripada segi aspek sosial dan budaya. Masyarakat pesisir pantai yang sudah biasa dengan aktiviti pelayaran dipercayai menjadi orang tengah dengan masyarakat di pedalaman apabila melibatkan aktiviti perdagangan dengan pedagang dari luar.

Lembah sungai di Selangor kaya dengan sumber bijih timah yang diperlukan oleh masyarakat luar ketika itu. Logam bijih timah digunakan sebagai campuran dengan logam kuprum dan plumbum untuk menghasilkan produk gangsa. Kepentingan sumber bijih timah sebagai keperluan utama masyarakat yang berada ke utara Semenanjung Tanah Melayu terutamanya di utara Vietnam dan selatan Thailand telah memperkembangkan lagi hubungan dua hala antara masyarakat di lembangan sungai Selangor dengan wilayah luar dan ini dapat dilihat dalam konteks hubungan antara wilayah. Berdasarkan perkembangan ini tidak hairanlah sekiranya hubungan ini berlanjutan hingga ke Zaman Sejarah dimana kekayaan sumber bumi ini kemudiannya dibahagikan kepada dua kategori iaitu pertama pantai timur Semenanjung yang kaya

dengan sumber emas manakala pantai barat Semenanjung yang kaya dengan sumber bijih timah.



Rajah 1. Kedudukan Sungai Klang dan Sungai Langat serta tapak logam yang lain

PERANAN SUNGAI DALAM KONTEKS KRONOLOGI ZAMAN DI SELANGOR

Lembangan sungai-sungai di Selangor pada tahap petempatan awal manusia bukan sahaja digunakan sebagai tempat untuk mencari sumber

makanan dan kawasan sesuai untuk bercucuk tanam tetapi juga aktif digunakan sebagai jalan perhubungan. Jalan perhubungan dan laluan air ini telah digunakan untuk menjalin hubungan dengan masyarakat di pedalaman dan juga masyarakat luar terutamanya dengan masyarakat di kawasan Asia Tenggara. Temuan data arkeologi yang meliputi daripada Zaman Neolitik ke Zaman Logam juga jumpaan kubur kepingan batu menunjukkan masyarakat awal di Selangor pada masa itu menjadikan kawasan berdekatan dengan sungai atau lembangan sungai sebagai kawasan petempatan mereka yang utama. Penciptaan perahu yang dipercayai bermula sejak 5000 tahun yang lalu memudahkan manusia untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain selain daripada laluan darat yang telah sekian lama digunakan.

Peninggalan data arkeologi di lembangan sungai-sungai di negeri Selangor ini membuktikan bahawa keadaan muka bumi mempengaruhi perkembangan artifak dan teknologi masyarakat selain daripada perkembangan sosial dan budaya. Kekayaan sumber alam juga mempengaruhi perkembangan petempatan manusia dan juga membantu dalam konteks hubungan dengan masyarakat luar. Sungai-sungai yang memainkan peranan utama di Selangor ialah seperti Sungai Bernam, Sungai Klang, Sungai Langat, Sungai Sidu, Sungai Semenyih, Sungai Gombak dan Sungai Rasau. Temuan arkeologi yang paling banyak adalah di sekitar Sungai Bernam dengan jumpaan tapak kubur kepingan batu dan juga di Sungai Langat dan Sungai Klang dengan penemuan tapak-tapak Zaman Logam.

Peranan sungai sebagai jalan perhubungan utama dan dari sudut hubungan dengan masyarakat luar juga boleh dilihat dengan jumpaan artifak logam di kawasan lain seperti jumpaan gendang gangsa di Batu Buruk (Terengganu), Kampung Gaung (Terengganu) dan Kampung Batu Pasir Garam di Pahang (Linehan 1951; Coedes 1964; Hall 1977; Leong Sau Heng 1993b, 1998; Nik Hassan Shuhaimi 1998, 2002). Jumpaan artifak loceng gangsa pula direkodkan di Kampung Pencu Muar dimana Sungai Muar memainkan peranan sebagai pelabuhan *feeder port* (Nik Hassan Shuhaimi 1998, 2002) manakala jumpaan artifak besi bersoket direkodkan di lembangan Sungai Tembeling, Bukit Jong, Kampung Nyiong, Teluk Lubuk Pua dan Tersang di Pahang; Changkat Menteri, Sungkai dan Sungai Plus di Perak (Lowenstein 1956; Leong Sau Heng 1991). Tapak-tapak ini kebanyakannya terletak berhampiran dengan sungai, secara tidak langsung menunjukkan penempatan masyarakat di Zaman Logam kebanyakannya terletak berhampiran dengan sungai ataupun pesisir pantai.

Dalam konteks negeri Selangor, sungai telah digunakan sebagai perantaraan sejak dari Zaman Neolitik hingga ke zaman Protosejarah. Hubungan ini bukan sahaja melibatkan perkembangan artifak yang dihasilkan tetapi juga perkembangan daripada segi budaya, teknologi, hubungan antara wilayah luar dan pada waktu yang sama melibatkan

perdagangan antara wilayah. Hal ini dapat dilihat berdasarkan peninggalan gendang gangsa yang jelas menunjukkan perkembangan dan pengaruh yang dibawa dari Vietnam Utara (Mohd Sopian Sabtu 2007).

Sungai Bernam, Sungai Klang dan Sungai Langat telah dikenal-pasti sebagai *feeder point* bagi pelabuhan-pelabuhan pembekal dan pelabuhan entreport di Semenanjung Tanah Melayu. *Feeder point* adalah pusat pembekal tempatan yang kecil di mana peranannya ialah membekalkan barangan terpilih yang tidak ada di kawasan lain. Pusat pembekalan tempatan ini tidak semestinya menerima kehadiran terus pedagang asing ke tempat mereka tetapi peranan yang dimainkan oleh orang tengah iaitu masyarakat tempatan sendiri perlu diberi perhatian. Masyarakat tempatan iaitu masyarakat maritim dipercayai banyak memainkan peranan sebagai orang tengah kerana hubungan perdagangan yang lama sejak Zaman Neolitik lagi. *Feeder point* berkembang dengan pesat apabila keperluan sesuatu barangan itu bertambah dan berkembang akibat daripada kepesatan dan pertumbuhan entreport. Kebanyakan *feeder point* boleh ditemui di kawasan pesisir pantai dan juga di kawasan lembangan sungai.

Bentuk sistem saliran asal Semenanjung Tanah Melayu turut menunjukkan alirannya dapat dibahagikan kepada dua, aiatu pertama, yang memiliki sistem saliran utama yang terdiri dari Sungai Kelantan, Sungai Perak, Sungai Kinta, Sungai Pahang, Sungai Tembeling dan Sungai Johor. Kedua, sistem saliran ini telah mewujudkan enam aliran sungai utama dikenali sebagai laluan *trans-peninsula* yang dapat menghubungkan antara kawasan utara ke selatan dan timur ke barat Semenanjung Tanah Melayu. Antaranya ialah aliran laluan sungai Kedah, Patani, aliran Perak-Patani, aliran Sungai Kelantan-Melaka (malalui laluan Penarikan), aliran Sungai Pahang-Melaka (melalui laluan Penarikan), laluan Sungai Sembrong dan aliran laluan Sungai Bernam-Pahang (Wheatley 1980; Nik Hassan Shuhaimi 1998). Aliran sungai-sungai ini juga telah dan dapat menghubungkan antara setiap tapak peninggalan Zaman Logam dan Zaman Protosejarah. Justeru, sistem alirannya berkesinambungan daripada muara sungai hingga ke kawasan pedalaman. Aliran Sungai Bernam-Pahang, umpamanya dapat ditelusuri hingga ke Muar dan bercantum dengan Sungai Terengganu dan Sungai Klang (Wheatley 1980). Sistem aliran sungai ini dapat menghubungkan antara negeri-negeri di Semenanjung dengan merentasi kawasan tinggi (banjaran) pada bahagian tengah Semenanjung Tanah Melayu.

SEJARAH PENYELIDIKAN ARKEOLOGI PETEMPATAN ZAMAN LOGAM DI SELANGOR

Terdapat tiga kawasan utama di mana terdapatnya jumpaan tapak Zaman Logam di Selangor iaitu di Klang dan juga di kawasan sekitar Sungai

Langat dan di Jenderam Hilir yang terletak berdekatan dengan Sungai Langat dan Sungai Semenyih. Jumpaan yang paling banyak dicatatkan di kawasan Klang dengan jumpaan artifak besi dan juga gangsa. Temuan di Sungai Langat pula melibatkan jumpaan artifak gangsa manakala di Jenderam hilir melibatkan jumpaan mangkuk gangsa.

Petempatan masyarakat di aliran Sungai Langat terletak di lokasi seperti di Sidu, Kampung Sungai Lang dan juga Kampung Jenderam Hilir. Kronologi penyelidikan dan ekskavasi arkeologi di sepanjang aliran Sungai Langat bermula pada tahun 1964 di tapak Kampung Sungai Lang, diikuti temuan tapak Jenderam Hilir sekitar tahun 1977 hingga 1979 sementara tapak Sidu pada 1996. Ketiga-tiga tapak ini ditemui setelah berlaku kerja-kerja pembukaan tanah untuk pertanian, perlombongan bijih dan temuan ini berlaku secara tidak sengaja.

Pada tahun 1964, penduduk Kampung Sungai Lang telah menemui dua gendang gangsa yang bersebelahan antara satu sama lain dalam keadaan terbalik semasa pembersihan tanah untuk tujuan tanaman kopi. Keadaan fizikal tapak ini yang berbukit menjadi petunjuk bahawa artifak yang ditemui mempunyai fungsi utama dalam kegiatan sosial dan ekonomi kerana ia seakan sengaja dilakukan untuk tujuan penandaan. Hal ini dibuktikan berdasarkan stratigrafi tanah yang menunjukkan lapisan atas merupakan tanah yang dikambus atau ditambak dan diikuti oleh lapisan tanah lumpur bakau. Kedua-dua gendang gangsa ini berkedudukan di atas kepingan kayu cengal yang dipercayai merupakan kepingan perahu (Peacock 1964, 1965; Leong Sau Heng 1989). Pada waktu yang sama terdapat peninggalan artifak sampingan seperti manik, artifak logam dan pecahan tembikar tanah yang bersalur dengan damar.

Pada tahun 1977 hingga 1979 pula, telah ditemui secara tidak sengaja artifak seperti alatan batu, pecahan belanga, serpihan kayu, mangkuk gangsa dan jongkong timah semasa kerja-kerja perlombongan bijih di Jenderam Hilir. Peninggalan artifak ini menunjukkan bahawa perkembangan sosio-budaya masyarakat di sini berkembang dari Zaman Neolitik dan berkesinambungan sehingga ke Zaman Logam. Teknik asahan yang dikembangkan terhadap alat batu di Jenderam Hilir jelas menunjukkan ia digunakan untuk tujuan penebangan dan pertanian (Mohd Sopian Sabtu 2007).

Temuan artifak gangsa di tapak Sidu pula telah direkodkan pada tahun 1996 di mana telah ditemui serpihan gendang gangsa semasa kerja-kerja menggali tanah liat sungai untuk dijadikan bahan mentah untuk menghasilkan batu bata. Berdasarkan rekod, ia ditemui pada kedalaman 50cm dari permukaan tanah dan saiz gendang gangsa tersebut ialah 35cm panjang dan 23.5cm lebar (Leong Sau Heng 1998).

Temuan artifak logam di Klang dilaporkan buat pertama kali pada tahun 1905 apabila tiga buah loceng gangsa bersama-sama dengan sebuah lembing besi bersoket dan tiga alatan besi yang bersoket ditemui ketika kerja-kerja pembinaan jalan keretapi dilakukan. Sebuah daripada

loceng gangsa berkenaan telah diserahkan ke Muzium Taiping, sebuah lagi berada di Muzium Selangor sementara sebuah lagi diserahkan ke Muzium British. Bagaimanapun, loceng gangsa bersama-sama dengan alatan besi yang diserahkan ke Muzium Selangor dilaporkan hilang. Maka tiada rekod berupa gambar, ukuran dan juga saiznya berbanding dengan dua lagi loceng gangsa yang diserahkan ke Muzium Perak dan Muzium British. Berdasarkan tulisan Mubin Sheppard alatan gangsa yang pernah ditemui di Bukit Jati dan Bukit Kuda kini berada dalam koleksi Muzium Negara (Sheppard 1986).

Temuan gendang gangsa di Klang telah direkodkan pada tahun 1944 apabila ditemui secara tidak sengaja semasa pendudukan Jepun sewaktu kerja-kerja penanaman getah dijalankan. Lokasi temuan gendang gangsa ini ialah berhampiran sebuah bukit kecil di Sungai Rasah, yang berada di bahagian timur dari bandar Klang. Iwao Hino telah menyerahkan gendang gangsa ini ke Muzium Selangor. Usaha yang dilakukan oleh Dato' F.W Douglas mendapati lokasi sebenar adalah di kawasan Bukit Kuda dan ia merupakan kawasan pertemuan di antara Sungai Rasah dan Sungai Klang. Peranan yang dimainkan oleh Sungai Rasah lebih kepada kawasan *feeder point* kepada Klang dan menyumbang ke arah perkembangan perdagangan dalam konteks perdagangan awal di Selangor (Mohd Sopian Sabtu 2009).

Peninggalan artifak besi di Klang telah dilaporkan pada tahun 1905 di dua kawasan. Pertama, di lokasi penemuan loceng gangsa (ditemui serentak) yang dikenali kemudiannya dengan nama Hoard 1. Kedua, temuan pada tahun 1948 di kawasan Bukit Jati, yang kemudiannya dinamakan sebagai Hoard 2. Artifak besi kapak panjang bersoket juga dikenali dengan nama tulang mawas. Ini berdasarkan bentuknya yang hampir menyerupai bahagian lengan mawas. Bentuk tulang mawas ini juga pada pandangan sebahagian sarjana turut dikenali dengan nama alatan besi bersoket kerana sebahagian daripada alatan besi tersebut mempunyai lubang pada bahagian hujungnya. Sehubungan dengan itu, peranan lubang atau soket ini adalah untuk memasukkan kayu atau rotan yang bertindak sebagai pemegang kepada alatan besi tersebut ataupun digunakan sebagai gelas di bahagian bahu. Lubang tadi diikat dengan akar rotan atau digantung sewaktu tidak digunakan (Loewenstein 1955).

KAITAN ARTIFAK DENGAN MASYARAKAT ZAMAN LOGAM DI SELANGOR

Petempatan masyarakat Zaman Logam di Selangor terletak di dua kawasan utama iaitu di aliran Sungai Klang dan juga di aliran Sungai Langat. Tapak-tapak di lembangan sungai ini dikategorikan sebagai tapak Zaman Logam kerana berdasarkan data arkeologi telah dijumpai artifak berasaskan logam iaitu barangan berasaskan gangsa dan objek besi. Bagaimanapun tapak-tapak Zaman Logam ini kebanyakannya

telah wujud sejak Zaman Neolitik lagi. Aktiviti perdagangan, hubungan dengan masyarakat luar dan inovasi dalam menghasilkan alatan besi membolehkan masyarakat tempatan berevolusi daripada masyarakat Neolitik kepada masyarakat Zaman Logam.

Kewujudan masyarakat Neolitik ini dapat dilihat daripada jumpaan-jumpaan artifak seperti alat-alat batu dan juga tembikar tanah. Tradisi pembuatan alatan batu di aliran Sungai Langat ditemui hanya pada satu kawasan sahaja iaitu di Kampung Jenderam Hilir. Tapak ini telah dilaporkan oleh Brian Batchelor sewaktu beliau melakukan survei terhadap taburan bijih timah pada tahun 1976 hingga 1977. Antara artifak yang telah direkodkan oleh beliau adalah 21 beliung batu persegi empat panjang, 1 beliung batu, 1 pisau batu tembeling, 1 pisau batu berleher Dengkil, 2 batu berbentuk bulat dan kepingan batu serta batu asahan (Batchelor 1977; Adi Hj. Taha 1983).

Mohd Sopian Sabtu (2007) telah mengasingkan alat-alat batu ini kepada 7 kategori. Pertama adalah temuan alatan batuan pisau batu tembeling. Artifak ini mempunyai hujung yang berasah sementara bahagian hulu seakan-akan dilengkuk dan berfungsi sebagai pemegang. Bukti fizikal menunjukkan alat batu ini digunakan dalam aktiviti pertanian dan antara fungsinya dipercayai digunakan untuk memotong dan menuai padi. Bentuk artifak ini mempunyai persamaan dengan alat batu yang ditemui di Lembah Tembeling, Pahang sekitar tahun 1926 (Adi Hj. Taha 1983; Nik Hassan Shuhaimi 1998). Kategori kedua, adalah bentuk beliung batu yang mempunyai dua bentuk iaitu beliung batu segiempat panjang dan beliung persegi empat. Ketiga ialah kapak batu dan alat ini lebih kecil berbanding beliung batu. Perbezaan pada beliung batu dan kapak batu boleh dilihat kepada saiznya dan juga pada mata asahannya.

Kategori keempat adalah artifak batu beliung berbahu. Ia mempunyai bentuk yang kecil dengan bahagian tengah di bahagian atas terdapat tonjolan persegi empat kecil yang digunakan untuk tujuan pengikatan tangkai. Kelima adalah gelang batu yang dicanai pada bahagian tengah hingga berbentuk bulat. Artifak ini dipercayai mempunyai fungsi sebagai barangan perhiasan. Alat batu jenis ini juga ditemui di Gua Cha, ditemui bersama-sama dengan rangka manusia (Sieveking 1954; Adi Hj. Taha 1999; Nik Hassan Shuhaimi 1999). Keenam adalah artifak yang berfungsi sebagai batu pengasah dan kategori ketujuh adalah alatan batu yang berperanan sebagai lesung. Ia jelas memberikan gambaran pernah digunakan untuk pelbagai tujuan.

Tembikar tanah merupakan artifak yang merujuk kepada kebudayaan Neolitik kerana artifak ini dipercayai mula digunakan sejak zaman tersebut. Dalam konteks jumpaan artifak tembikar tanah di tapak-tapak petempatan awal di negeri Selangor boleh dilihat kepada jumpaan di Kampung Sungai Lang dan juga di Jenderam Hilir. Tembikar tanah yang ditemui di Kampung Sungai Lang berperanan sebagai bekalan

kubur di mana tembikar ini berupa bentuk tempayan dan dilapisi dengan damar (Peacock 1965). Temuan ini ditemui bersama-sama dengan manik yang berwarna merah. Berdasarkan jumpaan artifak yang dipercayai digunakan sebagai barang iringan kepada simati, jelas menunjukkan kedudukan status simati yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat. Berdasarkan jumpaan artifak gendang gangsa bersama-sama dengan tembikar dan manik menunjukkan bahawa wujud hubungan perdagangan antarabangsa dengan pedagang luar. Manik merah dipercayai berasal dari India manakala gendang gangsa pula berasal dari Vietnam. Peranan orang tengah mungkin terlibat dalam aktiviti perdagangan antarabangsa ini dan peranan ini dipercayai dimainkan oleh masyarakat yang menduduki kawasan pesisir pantai.

Jumpaan artifak tembikar tanah di Jenderam Hilir pula dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu berperanan sebagai belanga, kendi dan tembikar tanah berkaki tiga. Berdasarkan kepada bentuk, fungsi tembikar tanah itu tadi adalah sebagai perkakasan untuk memasak dan juga menyimpan makanan. Jumpaan tembikar tanah berkaki tiga di Jenderam Hilir juga menunjukkan persamaan dengan artifak yang ditemui di Ban Kao, Thailand. Jumpaan ini memberikan petunjuk bahawa terdapat pengetahuan yang berasaskan asimilasi budaya.

Jumpaan artifak Zaman Logam telah dicatatkan di kawasan sekitar Sungai Langat dan Sungai Klang. Di aliran Sungai Langat, gendang Dong Son di anggap sebagai jumpaan terpenting yang pernah ditemui. Artifak ini dianggap sebagai artifak perdagangan dan bukan produk tempatan. Berdasarkan kepada jumlah jumpaan, terdapat tiga kawasan utama di sepanjang aliran Sungai Langat iaitu satu di Sidu manakala dua di Kampung Sungai Lang. Gendang gangsa di Kampung Sungai Lang mempunyai saiz yang sederhana dan kecil kerana bahagian pemukul atau permukaan berukuran sekitar 18'' atau 48.5 cm dan 14'' atau 38cm, berbanding dengan gendang gangsa di Sidu yang mempunyai ukuran sekitar 57.8cm.

Di Klang, artifak yang ditemui adalah seperti gendang gangsa, loceng gangsa dan alatan besi bersoket. Jumpaan ini juga menunjukkan peranan yang dimainkan oleh masyarakat awal di Klang dalam aktiviti perdagangan antarabangsa di mana komoditi terpenting Klang pada masa tersebut adalah bijih timah. Asimilasi dalam teknologi pembuatan juga berlaku di mana artifak besi bersoket dirujuk sebagai hasil idea tempatan.

Jika dilihat pada pola hias bahagian permukaan gendang gangsa yang ditemui di Klang, amat jelas menunjukkan ciri Heger 1. Pola hiasan dapat dibahagikan kepada sembilan lapisan utama. Lapisan pertama, bentuk bintang atau sinar matahari di tengah gendang yang berjumlah 10, diikuti dengan tiga segi yang dalamnya dihiasi dengan garis panjang dan ia berselang-seli dengan hiasan seperti 'S' atau "Z" menyerong. Lapisan ketiga, hiasan bulatan berkembar dengan titik pada

bahagian tengah. Lapisan keempat, hiasan garisan panjang dan lurus. Lapisan kelima, hiasan burung terbang berlawanan putaran jam. Lapisan keenam, dengan hiasan garis lurus. Lapisan ketujuh, dengan hiasan bulatan berkembar dan titik tengahnya. Lapisan kelapan, hiasan garis panjang dan lurus sementara lapisan kesembilan tanpa sebarang hiasan (Loewenstein 1953). Berdasarkan ukuran yang diambil, gendang gangsa ini berukuran 57.8cm.

Loceng gangsa yang ditemui di Klang berjumlah tiga kesemuanya dan loceng gangsa bersaiz besar yang ditemui di Klang, mempunyai tiga pola hias utama iaitu, pertama garis geomatik pada bahagian badan, kedua, seakan huruf "S" pada bahagian badan dan ketiga adalah pola hias yang menyerupai bentuk bersegi tiga yang disusun dalam tiga tingkat pada bahagian kaki. Sementara pada bahagian mulut loceng gangsa, tidak terdapat sebarang pola hias, melainkan lubang kecil yang berfungsi sebagai tempat untuk loceng ini digantung pada bahagian leher gajah. Anologi ini mempunyai persamaan dengan relief yang terpahat di bahagian barat candi Angkor Wat, yang menunjukkan loceng gangsa ini turut di kandar pada bahagian bahu (Loewenstein 1953). Mubin Sheppard sendiri menggambarkan penggunaan gendang gangsa dan loceng gangsa dipraktikkan oleh pemimpin tempatan di Klang sebagai perlambangan kekuasaan dan digunakan secara bersamaan dalam kehidupan harian sekitar 100 Masihi (Sheppard 1986).

Alatan besi tulang mawas dan alatan besi bersoket di Klang dapat dibahagikan kepada 5 kategori utama berdasarkan kepada bentuk fizikalnya, iaitu bentuk kapak bersoket (*socketed axes*), kapak panjang bersoket (*long shafted axes*), sabit bersoket (*socketed sickles*), pisau bersoket (*socketed knives*) dan mata lembing bersoket (*socketed spearhead*). Pembahagian ini telah dilakukan oleh Sieveking berdasarkan jumpaan alatan besi yang terkumpul di Malaya pada ketika itu (Sieveking 1956). Lokasi dan taburan artifak di Klang boleh dirujuk pada Jadual 1.

Jadual 1. Lokasi dan taburan artifak di Klang

Artifak	Lokasi	Jumlah
Besi Bersoket	Klang	4
Besi Bersoket	Bukit Jati, Klang	21
Besi Bersoket	Bukit Badak, Klang	Tiada rekod
Serpihan gendang gangsa kategori Heger 1	Bukit Kuda, Klang	1
Loceng Gangsa	Klang	3

Pentarikan Tapak Zaman Logam di Selangor

Secara relatifnya, tapak Zaman Gangsa di anggarkan bermula sejak 500SM lagi. Beberapa data tarikh secara pentarikan mutlak berjaya diperolehi di tapak-tapak seperti di Kampung Sungai Lang dan di Jenderam Hilir. Tarikh pentarikan mutlak dari tapak di Kampung Sungai Lang menunjukkan bahawa Zaman Logam di Selangor berkemungkinan lebih awal. Tarikh tersebut ialah 2435±95 BP, 2145±100BP dan 1850±90BP (Leong Sau Heng 1989). Pentarikan mutlak yang diperolehi dari tapak Jenderam Hilir pula menunjukkan tarikh 4290±200BP dan 2490±90BP. Tarikh tersebut diperolehi daripada sampel tembikar tanah dan juga kepingan perahu dan debunga tumbuhan di Jenderam Hilir. Tarikh 4290±200BP lebih kepada Zaman Neolitik manakala tarikh 2490 ±90BP lebih kepada Zaman Logam.

Jadual 2. Temuan artifak Zaman Logam di Selangor

Artifak	Lokasi	Jumlah
Besi Bersoket	Klang	25
Besi Bersoket	Hulu Selangor (Sungai Belata)	9
Besi Bersoket	Hulu Langat (Kampung Sungai Lang)	1
Gendang Dong Son	Klang	1
Loceng Gangsa	Klang	3
Beliung Gangsa	Hulu Selangor	1

Secara umumnya, kewujudan peninggalan artifak Zaman Logam yang ditemui di Selangor (Jadual 2), sebagaimana yang telah dinyatakan sebelumnya adalah berkaitan dengan peranan penting sungai. Bahkan jumpaan artifak gendang gangsa, loceng gangsa dan artifak besi bersoket di Sidu, Jenderam Hilir, Kampung Sungai Lang, Klang, Batu Buruk, Kampung Gaung, Kampung Pencu, Lembangan Bernam dan Lembangan Tembeling adalah berhampiran dengan sungai dan ini menunjukkan betapa pentingnya sungai kepada masyarakat setempat ketika itu. Data ini juga diperkuatkan dengan jumpaan perahu di Pontian yang pentarikannya sekitar 60-293 Masihi, jumpaan kayu cengal di Kampung sungai Lang yang bertarikh 580SM-190M dan tiga jumpaan perahu yang dijadikan sarana pengkebumian di Pulau Kelumpang sekitar 200SM-1000M, menjadi bukti kepesatan laluan sungai sekitar 500SM di Selangor amnya dan di Semenanjung khususnya. Peranan sungai di Semenanjung Tanah Melayu mempunyai satu kronolgi dengan kawasan di pedalaman dan pertengahan alirannya, sehingga menunjukkan satu perkembangan yang amat jelas berhubung wujudnya masyarakat tempatan dengan asas utama peninggalan daripada Zaman Neolitik yang

berkembang ke tahap Zaman Logam. Di Selangor Zaman Neolitik telah pun bermula sejak 4500 tahun dahulu berdasarkan pentarikhan tembikar tanah di Jenderam Hilir manakala Zaman Logam bermula 2600 tahun dahulu berdasarkan pentarikhan yang diperolehi di Jenderam Hilir dan juga di Kampung Sungai Lang. Faktor utama yang menyebabkan perkembangan daripada tahap Neolitik ke tahap Zaman Logam adalah kerana berlakunya aktiviti perdagangan antarabangsa.

KESIMPULAN

Dua kawasan utama masyarakat Zaman Logam di Selangor yang telah diperbincangkan adalah terletak di aliran dua sungai utama di Selangor iaitu di Sungai Klang dan Sungai Langat. Masyarakat disini diklasifikasikan kepada masyarakat Zaman Logam berdasarkan jumpaan artifak-artifak logam seperti gendang gangsa, loceng gangsa dan artifak besi bersoket yang juga dikenali sebagai tulang mawas. Bermula masyarakat Zaman Logam ini ialah berdasarkan tarikh 2435 ± 95 BP, 2145 ± 100 BP, 1850 ± 90 BP dan 2490 ± 90 BP yang diperolehi hasil daripada analisis pentarikhan mutlak di tapak-tapak seperti di Kampung Sungai Lang dan juga di Jenderam Hilir. Secara relatifnya, tapak di Kalng boleh diberi pentarikhan yang sama seperti tapak di aliran Sungai Langat kerana lokasinya yang berdekatan.

Masyarakat Zaman Logam di Selangor ini berkembang daripada masyarakat yang mengamalkan sistem sosial dan budaya Neolitik dan perkembangan ini didorong oleh faktor perdagangan dengan masyarakat luar. Penggunaan laluan sungai secara aktif dan terdapatnya sumber bijih timah yang menjadi tumpuan pedagang pada ketika itu membolehkan masyarakat di sini terdedah dengan budaya dari luar. Penggunaan besi bersoket juga dikaitkan dengan asimilasi budaya masyarakat tempatan dengan pengaruh dari luar dan dipercayai asal-usul artifak besi bersoket ini adalah ciptaan masyarakat tempatan manakala artifak seperti gendang gangsa dan loceng gangsa adalah produk luar yang dibawa masuk untuk ditukarkan dengan barangan seperti bijih timah dan produk hutan.

RUJUKAN

- Adi Hj. Taha. 1983. Recent archaeological discoveries in Peninsula Malaysia 1976-1982. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 56(1): 47-63.
- Adi Hj. Taha. 1999. Gua Cha: Satu perkampungan 10,000 tahun silam. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (ed.). *Kelantan dalam perspektif arkeologi: Satu kumpulan esei*: 238-251. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Kelantan.

- Adi Hj. Taha. 2003. Sejarah ketamadunan Melayu dari sumber arkeologi. Dlm. Asmah Omar (ed.). *The genius of Malay civilization*: 40-53. Tanjong Malim: Institut Peradaban Melayu, UPSI.
- Batchelor, B.C. 1977. "Post Hoabinhian" coastal settlement indicated by finds in stanniferous Langat river alluvium near Dengkil, Selangor, Peninsular. *FMJ* 22: 1-55.
- Chandra Muzaffar, Che Wan Jarimah Wan Mohd Radzi, Hashim Musa & Mohd Zuhdi Marzuki. 2001. Pengenalan ilmu ketamadunan. Dlm. *Tamadun Islam dan tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Coedes, G. 1964. *The Indianised states of Southeast Asia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Evans, I.H.N. 1931. A further slab-grave in Perak. *Journal of Federated Malay States Museums* 12: 111-119.
- Hall, D.G.E. 1977. *A history of Southeast Asia*. London: Macmillan.
- Hall, D.G.E. 1985. *Maritime trade and state development in early Southeast Asia*. Sydney: George Allen & Unwin.
- Leong Sau Heng. 1989. Satu perbincangan mengenai peninggalan objek-objek gangsa kecil dari zaman prasejarah Malaysia. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 2: 1-8.
- Leong Sau Heng. 1991. Kubur kepingan dan alat besi bersoket: satu perbincangan kronologinya. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 4: 103-115.
- Leong Sau Heng. 1993a. Ancient trading centre in the Malay Peninsula. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 6: 1-9.
- Leong Sau Heng. 1993b. Penjelasan arkeologi di negeri Selangor Darul Ehsan. *Jurnal Seri Alam* 1(1): 1-20.
- Leong Sau Heng. 1996. Some observations on a newly found Dong Son type bronze kettle drum from Selangor. *Jurnal Seri Alam* 1(4): 1-18.
- Linehan, W. 1951. Traces of a Bronze Age culture associated with Iron Age implements in the regions of Klang and the Tembeling, Malaya. *JMBRAS*, 24(3): 1-59.
- Loewenstein, J. 1953. The tulang mawas re-examined. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 26(1): 37-42.
- Loewenstein, J. 1956. The origin of the Malayan Metal Age. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 29(2): 1-84.
- Mohd Sopian Sabtu. 2007. Arkeologi di Selangor: Peranan Sungai Langat dalam konteks kronologi zaman. *PURBA* 26:1-29.
- Mohd Sopian Sabtu. 2009. Daerah Klang: Perspektif berdasarkan kajian arkeologi. *PURBA* 28: 1-21.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. 1990. Daerah Klang dalam zaman prasejarah. Dlm. Mohd Sarim Mustajab & Khazin Mohd Tamrin (pnyt.). *Klang 1890-1990: Sejarah dan Pentadbiran*. Selangor: United Selangor Press.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (ed.). 1998. *The encyclopedia of Malaysia, Early history*. Singapore: Archipelago Press.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. 1999. Arkeologi di Kelantan: Satu tinjauan sejarah prasejarah dan protosejarah. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (ed.). *Kelantan dalam perspektif arkeologi: Satu kumpulan esei*: 1-14. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Kelantan.

- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. 2002. Arkeologi pra Islam pesisir Selat Melaka: Evolusi atau migrasi. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noone, H.D. 1941. A proposed classification of Malayan polished stone implements. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 21(2): 210-218.
- Peacock, B.A.V. 1964. A preliminary note on the Dong-son drums from Kampung Sungai Lang. *Federated Museum Journal* 9: 1-3.
- Peacock, B.A.V. 1965. The drums of Kampung Sungai Lang. *Malaya in History* 10(1): 3-15.
- Sheppard, M. 1986. *Klang twenty centuries of eventful existences*. Selangor: Pelanduk Publication.
- Sievecking, G. de G. 1954. Excavation at Gua Cha, Kelantan. *FMJ* 1(1/2): 75-138.
- Sievecking, G. de G. 1956. The Iron Age collections of Malaya. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 29(2): 79-138.
- Wheatley, P. 1980. *The Golden Khersonese: Studies in the historical geography of the Malay Peninsula before A.D 1500*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Zuliskandar Ramli
Pegawai Sains
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: ziskandar2109@gmail.com

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Ph.D.
Felo Penyelidik Utama
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: nahas@ukm.my